



Dakwaan FELDA Memotong Hutang Dari Khairat Kematian Peneroka Tanpa Pengetahuan Waris : Maklumbalas FELDA

Kebelakangan ini FELDA berhadapan dengan pelbagai tuduhan berkaitan pembayaran sumbangan Khairat Kematian Peneroka FELDA. Ada waris yang mendakwa bahawa sumbangan khairat kematian yang diterima adalah lebih rendah daripada nilai yang sepatutnya malahan ada yang mendakwa bahawa FELDA telah memotong sumbangan khairat kematian tersebut tanpa pengetahuan waris.

Pihak FELDA ingin menegaskan bahawa dakwaan tersebut adalah tidak berasas. Pelan Khairat Kematian Peneroka FELDA yang diwujudkan sejak tahun 2008 adalah merupakan inisiatif yang dibiayai oleh FELDA sepenuhnya dan ianya bukanlah wang yang dicarum oleh peneroka. Satu keluarga peneroka hanya layak menerima sumbangan khairat kematian sekali sahaja bayaran. Tujuan utama Pelan Khairat Kematian Peneroka FELDA ini dilaksanakan adalah bagi meringankan beban waris selepas kematian peneroka.

Melalui inisiatif Pelan Khairat Kematian Peneroka, FELDA menyumbang sebanyak RM3,000 kepada waris simati sebagai bantuan pengurusan jenazah yang dibayar serta merta oleh Pengurus Rancangan. Bagi bayaran khairat kematian pula nilai bayaran adalah berdasarkan kategori - Peneroka Bersama FELDA sebanyak RM7,000 dan Peneroka Tidak Bersama FELDA sebanyak RM3,500. Bayaran ini perlu dituntut dalam tempoh 90 hari dari tarikh berlaku kematian bagi tujuan pelarasan tunggakan hutang simati. Waris simati telah/akan dimaklumkan mengenai pelarasan hutang simati semasa mengisi borang tuntutan khairat kematian di Pejabat Rancangan.

Pihak FELDA telus dan komited dalam usaha meringankan beban waris peneroka yang telah meninggal dunia. Semoga semua pihak dapat menghargai usaha murni ini.